

**NO. SOALAN: 286**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**

**RUJUKAN : 9111**

**SOALAN:**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi gejala sosial akibat daripada warga negara asing yang masuk ke Sarawak secara haram terutamanya di Kuching. Senaraikan kes-kes yang diambil tindakan semenjak tahun 2010.**

## JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri (KDN), memandang serius aktiviti-aktiviti jenayah dan masalah sosial yang lain seperti kes yang berunsurkan maksiat, perjudian dan pengedaran dadah oleh warganegara asing sama ada yang datang untuk bekerja, belajar atau yang melancong ke negara ini. Gejala ini jika tidak dibendung boleh menimbulkan perasaan takut dan menyebabkan kegusaran kepada penduduk tempatan.

Statistik Penglibatan Warga Asing dalam Jenayah Indeks di negeri Sarawak bagi Tahun 2010 sehingga April 2016 adalah seperti berikut:-

	KESALAHAN	TAHUN 2010	TAHUN 2011	TAHUN 2012	TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016 (JAN- APR)
1	BUNUH	1	1	3	29	33	4	5
2	ROGOL	3	0	5	8	5	8	0
3	SAMUN BERKAWAN BERS/API	0	0	1	2	3	7	5
4	SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	6	1	1	16	11	27	19
5	SAMUN BERSENJATAPI	0	0	0	1	0	0	0
6	SAMUN TANPA S/API	0	0	1	1	0	6	2
7	MENCEDERAKAN	5	5	6	29	34	26	12
8	CURI	8	4	13	46	93	104	34
9	CURI MOTOKAR	1	2	2	13	23	21	4
10	CURI MOTOSIKAL	14	12	29	233	230	239	61
11	CURI VAN/LORI/J'BERAT	0	0	0	3	2	4	0
12	CURI RAGUT	2	2	0	0	2	1	0
13	PECAH RUMAH DAN CURI	20	3	2	140	187	165	33
	<b>JUMLAH KES</b>	<b>60</b>	<b>30</b>	<b>63</b>	<b>521</b>	<b>623</b>	<b>612</b>	<b>175</b>

**Statistik tangkapan warga asing bagi kesalahan pelacuran di seluruh negara bagi tahun 2013 sehingga 2015 adalah seperti berikut:-**

BIL	NEGARA	2013	2014	2015
1	CHINA	4220	4523	3148
2	INDONESIA	1258	1450	1178
3	THAILAND	3158	4635	5061
4	VIETNAM	4862	7561	8639
5	FILIPINA	465	749	460
6	MYANMAR	130	216	284
7	INDIA	110	261	284
8	UZBEKISTAN	6	58	21
9	LAOS	36	110	145
10	KAMPUCHEA	171	210	145
11	NEPAL	16	17	33
12	BANGLADESH	58	127	149
13	MONGOLIA	0	3	1
14	NIGERIA	85	77	68
15	KHYZTAN	1	1	0
16	MESIR	0	2	0
17	SINGAPURA	1	1	0
18	SYRIA	0	0	1
19	TAJIKISTAN	4	1	25
20	RUSIA	9	4	2
21	VENEZUELA	0	1	9
22	PAKISTAN	9	6	7
23	AZERBAIJAN	0	2	27
24	NEW ZEALAND	0	0	7
25	TAIWAN	4	0	1
26	UGANDA	1	24	4
27	SRI LANKA	18	19	40
28	GHANA	0	0	1
29	YAMAN	0	0	1
30	TANZANIA	0	3	5
31	KENYA	0	1	1
32	KOREA	0	0	1
33	TURKI	10	0	0
34	ROMANIA	0	1	0
35	UKRAINE	4	0	0
36	MAGHRIBI	0	9	0
37	AFRIKA	0	2	0
38	IRAQ	1	1	0
39	IRAN	1	8	6
40	PERANCIS	0	1	1
<b>JUMLAH</b>		<b>14,638</b>	<b>20084</b>	<b>19706</b>

**Statistik tangkapan warga asing bagi kesalahan berkaitan dengan dadah di seluruh negara bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:-**

<b>TAHUN</b>	<b>SEK 39B ADB 1952</b>	<b>LAIN-LAIN SEKSYEN</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>
2013	410	3874	4284
2014	499	5428	5927
2015	499	6545	7044
2016 (Mac)	111	2239	2350

**Dalam memastikan penglibatan warga asing dalam jenayah dan masalah sosial yang lain dari terus merebak dan boleh menjejaskan kerukunan dan keharmonian rakyat tempatan, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh PDRM seperti berikut:-**

- i. Mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket warga asing yang terlibat dan mengambil tindakan keras ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkaitan;**
- ii. Memantau dan membuat pemeriksaan secara bersepadu melibatkan Polis, Imigresen, Rela di tempat tinggal dan tempat mereka sering berkumpul. Kementerian juga turut bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk menentukan warga asing yang datang sebagai pelajar tidak menggunakan pas pelajar untuk tujuan lain;**

- iii. **Menyengarai hitamkan perempuan-perempuan warganegara asing yang dikenalpasti sering memasuki negara ini khusus untuk menjalankan kegiatan pelacuran; dan**
- iv. **Mengenalpasti tempat-tempat yang sering menjadi *point of entry* oleh penyeludup-penyeludup yang membawa perempuan-perempuan warganegara asing untuk dijadikan pelacur dan penyeludupan dadah untuk tindakan pencegahan.**